

## **Minetech dapat tugas RM29.464j**

Minetech Resources Bhd menerusi anak syarikatnya Minetech Construction Sdn Bhd, menerima surat anugerah daripada MMC Gamuda KVMRT (T) Sdn Bhd untuk menjalankan kerja pembinaan bernilai RM29.464 juta.

Dalam satu kenyataan kepada Bursa Malaysia, Minetech berkata, unit itu akan menjalankan kerja penggalian bawah tanah dan pengukuhan batuan termasuk semua kerja sampingan bagi stesen Cochrane di bawah laluan MRT Sungai Buloh-Kajang.

Kerja subkontrak itu, yang akan disiapkan menjelang 31 Mei 2013, dijangka menyumbang positif kepada pendapatan kumpulan, tambahnya.